

RM10 juta atasi banjir

Projek dilaksanakan Februari depan antara usaha mengatasi banjir di Dun Meru

MERU – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah meluluskan projek bernilai RM10 juta yang akan dilaksanakan Februari depan sebagai antara usaha mengatasi banjir di Dun Meru.

Adun Meru, Dr Abd Rani Osman berkata, projek itu melibatkan pelebaran parit dari Pekan Meru ke Jalan Durian.

“JPS juga akan merobohkan beberapa jambatan yang rendah yang dibina penduduk hingga menjadi halangan kepada pengaliran air.

“Kita sudah maklumkan kepada penduduk dan mereka bersetuju dengan perobohan itu,” katanya semalam.

Katanya, kerja mengorek kolam tadahan air di Kampung Budiman juga akan dilaksanakan Februari depan.

“Kolam itu sudah lama tidak dikorek dan sebelum itu, kita terpaksa pecahkan benteng bagi tujuan itu,” katanya.

Menurutnya, masalah sampah di Jalan Teratai juga turut menyumbang berlakunya banjir di Meru.

“Bagaimanapun isu ini sudah ditangani dan penggunaan aplikasi *WhatsApp* banyak



Pekarangan Surau Jamiah, Meru Tengah turut tidak terkecuali dinaiki air.

bantu kita menyalurkan maklumat kepada jabatan terlibat di MPK.

“Penggunaan itu bukan sahaja mempercepatkan tindakan oleh pihak berkuasa bahkan kami dapat berkongsi isu dan masalah bersama ketua kampung, JKKK dan pengarah jabatan yang terlibat,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya berharap menerusi langkah

tersebut banjir kilat di sini dapat diatasi.

“Meru kerap dilanda banjir kilat bagaimanapun banjir kali ini adalah yang terburuk.

“Kita turut membantu semua mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai menerusi agihan makanan dan khemah demi keselesaan mangsa,” katanya.



DR ABD RANI